

03 APR 2001

RRJP3-MAHATHIR

PRESTASI EKONOMI MSIA BAIK DISEBALIK KRISIS, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Ekonomi Malaysia disasarkan berkembang pada kadar purata 7.5 peratus setahun dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di antara 2001 dan 2010 berbanding dengan 7.0 peratus dalam rancangan yang kedua, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sumber utama pertumbuhan dalam tempoh 10 tahun akan datang adalah daripada peningkatan produktiviti yang dihasilkan oleh kemajuan dalam teknologi dan proses pengeluaran serta peningkatan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta pelaburan baru dari dalam dan luar negara, katanya ketika membentangkan RRJP3 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Kerajaan akan terus melaksanakan agenda pengagihan bagi memastikan penyertaan seimbang di kalangan dan di antara kumpulan etnik serta sektor dan wilayah.

"Kita telah mencapai kemajuan yang pesat dalam membasmi kemiskinan. Menjelang tahun 2005, kerajaan merancang untuk mengurangkan lagi kadar kemiskinan kepada 0.5 peratus.

"Bagi mencapai matlamat ini, program pembasmian kemiskinan akan lebih bersifat khusus untuk menangani kelompok kemiskinan di pelbagai wilayah terutama di kawasan pedalaman serta di kalangan kumpulan yang belum menikmati faedah pembangunan seperti masyarakat minoriti Bumiputera yang lain di Sabah dan Sarawak serta Orang Asli."

Bagi menyusun semula masyarakat, Perdana Menteri berkata usaha akan dilakukan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera dalam perniagaan. Masa kini, Bumiputera hanya memegang 19.1 peratus ekuiti korporat.

Dr Mahathir berkata sasarannya adalah untuk menambah pegangan Bumiputera kepada sekurang-kurangnya 30 peratus menjelang tahun 2010.

"Dalam penentuan pemilikan ekuiti oleh bukan Bumiputera, bahagian bagi keturunan India akan diberi perhatian," katanya.

Untuk membina asas yang kukuh bagi pertumbuhan yang didorong oleh elemen-elemen tempatan, usaha akan dilakukan untuk mengukuhkan keupayaan negara di dalam inovasi dan pembangunan teknologi serta meningkatkan tahap pendidikan.

Usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan tahap pendidikan, mempergiatkan latihan kemahiran dan menarik minat pakar-pakar di kalangan rakyat asing dan warganegara Malaysia yang berada di luar negara untuk berkhidmat di Malaysia sebagai satu strategi "memperolehi kepakaran", katanya.

Beliau berkata strategi penting dalam RRJP3 adalah Malaysia memberi fokus kepada memperkukuhkan elemen-elemen kritikal yang dapat menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan.

Antara yang penting ialah melatih dan mendidik lebih banyak tenaga kerja yang berpengetahuan dengan cepat dan efektif.

Untuk menjayakan pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan, program untuk menarik rakyat Malaysia yang berkepakaran dan berbakat dari luar negeri dan warga asing yang mempunyai kemahiran yang diperlukan akan dipergiatkan untuk memenuhi permintaan segera dan jangka pendek, katanya.

Pendaftaran saintis dan jurutera dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kalangan rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara akan diperluaskan untuk meliputi kepakaran baru dan usahawan teknologi dalam bidang berasaskan pengetahuan yang lain, tambahnya.

Memandangkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi akan dipacu oleh

industri-industri yang berasaskan pengetahuan, kegiatan-kegiatan ekonomi baru akan dijana di dalam semua sektor, terutamanya sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Dr Mahathir berkata corak permintaan untuk tenaga manusia akan berubah ke arah teknologi tinggi dan industri berasaskan sains, bioteknologi, ICT, farmaseutikal dan aktiviti R&D yang semuanya memerlukan pekerja berpendidikan tinggi dalam disiplin yang berkaitan dengan sains dan teknologi.

Kecanggihan dalam proses pengeluaran akan memerlukan seramai 137,200 jurutera dan 331,700 pembantu jurutera yang terlatih dalam bidang elektrik dan elektronik, kimia, bioteknologi, mekanikal, ICT dan teknologi-teknologi lain.

Dalam sektor pertanian, pengenalan kaedah penanaman berteknologi tinggi dan bertertiban industri, tanaman campuran dan berskala besar serta peningkatan dalam penggunaan jentera memerlukan lebih banyak tenaga buruh yang terlatih dalam pelbagai bidang serta tenaga kerja yang mahir dalam perniagaan tani, pengurusan ladang bersepadu secara moden dan bioteknologi, katanya.

Dalam memasuki abad ke-21, pembangunan sumber manusia adalah amat penting untuk menyokong pembangunan ekonomi berasaskan pengetahuan dan memastikan rakyat Malaysia dapat menikmati kekayaan negara.

Teras pembangunan sumber manusia adalah untuk menyediakan tenaga kerja yang berupaya menghadapi cabaran-cabaran ekonomi berasaskan pengetahuan dan dilengkapi secukupnya dengan kemahiran dan kepakaran teknologi serta mempunyai kecerdasan berfikir yang tinggi.

"Oleh itu, kita akan melabur sejumlah besar sumber-sumber kita dalam pendidikan dan latihan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata menyedari cabaran globalisasi yang akan dihadapi pada masa hadapan, dasar pembangunan negara akan ditumpukan ke arah membina sebuah negara yang berdaya tahan dan mampu bersaing di pasaran dunia.

"Sempadan negara tidak lagi boleh diharapkan untuk melindungi pasaran tempatan bagi produk yang berkualiti rendah dan berharga tinggi," katanya.

"Untuk menghasilkan khidmat dan barangan yang berdaya saing di seluruh dunia, kita rakyat Malaysia perlu lebih berdisiplin dan lebih bijak dalam segala urusan kerja kita," katanya.

"Krisis kewangan yang baru berlalu menunjukkan pentingnya kepintaran berfikir dan daya tahan dipertingkatkan kerana dalam persekitaran dunia tanpa sempadan, perubahan di mana sahaja di dunia boleh memberi kesan yang ketara kepada negara kita," tambahnya.

Dr Mahathir berkata bahawa Malaysia perlu mengenal pasti bidang pertumbuhan baru, memperluas dan memperdalamkan sumber pertumbuhan yang sedia ada dan mempelbagai eksport sebagai satu strategi untuk meningkatkan daya tahan ekonomi. Ini termasuk membangunkan bidang industri makanan yang disokong oleh sektor pertanian yang moden.

Walaupun tinjauan jangka panjang ekonomi dunia diramalkan positif, Dr Mahathir berkata kewujudan ketidakimbangan ekonomi dan kewangan yang ketara di kalangan negara kaya dan miskin menimbulkan risiko berterusan kepada ekonomi Malaysia.

Kekurangan inisiatif yang membina secara berterusan untuk mengukuhkan struktur kewangan antarabangsa, terutamanya daripada segi pengurangan aliran modal jangka pendek yang bersifat spekulatif, terus menjadi punca ketidakstabilan.

Berdasarkan keadaan ini, keupayaan Malaysia untuk mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi tempoh RRJP3 bergantung kepada keupayaan negara mengukuhkan daya tahan dan daya saing ekonomi.

Oleh itu, pengurusan ekonomi makro akan ditumpukan kepada usaha

memperkukuhkan asas ekonomi bagi memastikan pertumbuhan jangka panjang yang mampan dengan inflasi yang rendah dan harga yang stabil serta mengekalkan sumber ekonomi dan kedudukanimbangan luar yang sihat.

Pelaburan langsung asing akan terus digalakkan terutamanya dalam industri yang berintensif modal dan berteknologi tinggi.

Pelaburan dalam negara akan digalakkan lagi untuk mempercepatkan pembangunan industri tempatan serta penubuhan syarikat multinasional Malaysia bagi memperluaskan asas dan kandungan industri.

Ini termasuklah meningkatkan industri berasaskan sumber dan makanan yang berpotensi untuk mengganti import dan menambah eksport, kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MR MFJ OS